



DR. MUHAYA MOHAMAD menandatangani buku tulisannya berjudul *Hubungan Ketua dan Pekerja: Bagaimana membahagiakannya?* yang dibeli oleh pengunjung Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Buku Dr. Muhaya bantu lahirkan pekerja berkualiti

KUALA LUMPUR 30 April - Buku *Hubungan Ketua dan Pekerja: Bagaimana membahagiakannya?* yang diterbitkan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) berupaya menjadi rujukan dalam melahirkan pekerja berkualiti.

Ketua Pegawai Eksekutif ITBM, Mohd. Khair Ngadiron berkata, pihaknya menerbitkan buku motivasi tersebut bagi menyambut usaha dan matlamat negara untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 yang memerlukan pekerja berkualiti, berdedikasi dan efisien.

Katanya, dalam membina sebuah syarikat yang kukuh dan berjaya, kesepakatan dan nilai-nilai murni serta positif perlu ada dalam setiap pekerja, tidak kira di peringkat atasan sehinggalah di bahagian sokongan.

"Buku motivasi ini merupakan platform terbaik dalam membantu membina hubungan yang baik dan harmoni antara ketua dan pekerja agar dapat membentuk modal insan dalam meningkatkan produktiviti serta bersedia untuk menempuhi alam pekerjaan.

"Saya merasakan buku ini bukan sahaja menjadi sumber rujukan malah boleh dimanfaatkan golongan pekerja dan ketua-ketua syarikat dalam menangani isu dan situasi seperti persengketaan, perbezaan pandangan dan ideologi melibatkan mereka di syarikat," katanya.

Beliau ditemui dalam majlis pelancaran buku berkenaan oleh Penyanggand Kursi Kepimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd. Yassin, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Tan Sri Dzulkifli Abdul

Razak yang turut dihadiri penulisnya, Prof Dr. Muhaya Mohamad di sini hari ini.

Sementara itu, Dzulkifli berkata, pelancaran buku motivasi itu amat tepat pada waktunya sempena sambutan Hari Pekerja, esok.

"Saya berharap buku ini dapat memberi bimbingan, teguran dan panduan kepada ketua dan pekerja dalam usaha membaiki hubungan mereka agar lebih baik dan terpelihara," katanya dalam ucapan pelancaran.

Buku berkenaan dijual dengan harga RM35.00 senaskhah dan RM40.00 bagi Sabah dan Sarawak dan boleh diperolehi sepanjang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFB) di gerai ITBM, Dewan Tun Razak 3, Aras 3, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).